

AKTIVITI DAKWAH MAHASISWA: KAJIAN TERHADAP AL-AZHAR MEMBERS (ALAM)

Safinah bt Ismail
Mohd As-Syafik Bin Azhar
Norita Kamaruddin
Nor Hasdillah Hashim

ABSTRAK

Persatuan ALAM yang dikendalikan oleh mahasiawa dan mahasiswi KUIS merupakan tunjang belakang Masjid Al-Azhar dalam mengimarahkan masjid serta melakukan kerja-kerja dakwah kepada warga KUIS dan masyarakat setempat. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan tentang sejarah penubuhan Al-Azhar Members (ALAM), aktiviti yang dianjurkan serta peranan persatuan ini dalam menyampaikan dakwah. Metode kajian yang telah digunakan adalah melalui metode dokumentasi dan temubual. Dapatan menunjukkan bahawa peranan ALAM sangat memberi kesan kepada warga mahasiswa dan mahasiswa KUIS dalam menerapkan kefahaman Islam melalui program-program yang dianjurkan. Selain itu juga, Persatuan ini juga berperanan dalam mengikuti arus perdana berkaitan isu politik samada di dalam atau di luar negara serta tidak berdiam diri dengan isu-isu yang melibatkan keganasan dan kekejaman. Semoga persatuan ini terus mengatur program-program yang bermanfaat dalam merealisasikan matlamat KUIS yang ingin melahirkan Dai', Ulama' dan Umara'.

Kata Kunci : *Dakwah, ALAM*

PENGENALAN

Tidak diragukan lagi bahawa para pemuda atau para mahasiswa memiliki peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia secara umum dan masyarakat kaum muslimin secara khusus, kerana jika mereka adalah para pemuda atau para mahasiswa yang baik dan terdidik dengan adab-adab Islam maka merekalah yang akan menyebarkan dan menyampaikan dakwah kebaikan Islam serta menjadi nakhoda umat ini yang akan menghantarkan mereka kepada kebaikan dunia dan akhirat.

Oleh kerana itulah para sahabat di zaman Rasulullah S.A.W memiliki peranan yang sangat besar dalam menyebarkan agama ini baik dari sisi pengajaran mahupun dari sisi berjihad di jalan Allah S.W.T. Di antara mereka ada Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Umar, Abdullah bin Amr ibnul Ash, Muadz bin Jabal, dan Zaid bin Tsabit yang mereka ini telah mengambil berbagai macam ilmu yang bermanfaat, menghafalnya, dan menyampaikannya kepada umat sebagai warisan dari Nabi mereka.

Di sisi lain ada Khalid ibnul Walid, Al-Mutsanna bin Haritsah, Asy-Syaibany dan selain mereka yang gigih dalam menyebarkan Islam lewat medan pertempuran jihad di jalan Allah S.W.T. Seluruhnya mereka adalah satu umat yang tegak melaksanakan beban kewajipan mereka kepada agama, umat dan masyarakat mereka, yang mana pengaruh atau hasil usaha mereka masih kekal sampai hari ini dan akan terus menerus ada -dengan izin Allah- sepanjang Islam ini masih ada.¹

¹ Haji Hassan Hussaein 2009, *Perjuangan Dakwah Para Sahabat*, Shah Alam Selangor: Mustread SDN.BHN.

AL-Azhar Members(ALAM) merupakan salah satu sayap penting dalam pengimarah masjid dan dakwah kepada warga setempat dan masyarakat. Oleh itu kajian ini membincangkan tentang aktiviti dakwah yang dijalankan.

SEJARAH PENUBUHAN

Pada awalnya, kelab ini diberi nama sebagai RAPI, namun pada tanggal 25 Mei 2002 bersamaan 12 Rabiulawal 1423H. Pusat Islam KUIS telah diisytiharkan sebagai Masjid Al-Azhar dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia pada ketika itu iaitu Tuanku Sultan Syaraffudin Idris Syah Al-Hajj Ibn Almarhum Sultan Salahudin Abd. Aziz Syah Al-Hajj. Sejajar dengan perisytiharan tersebut, kelab ini telah ditukar nama kepada Al-Azhar Members dengan singkatan ALAM. Setelah sekian lama, ALAM akhirnya menjadi satu organisasi dakwah yang paling berpengaruh. ALAM adalah organisasi yang tiada terikat dengan organisasi lain malah hanya dirujuk dengan pihak masjid.²

Namun pada tahun 2006, presiden ALAM yang baru telah menukar ALAM kepada IMAM (Ikatan Mahasiswa Muslim). Tetapi IMAM tidak dapat bergerak dengan sempurna kerana terlalu banyak melantik ahli jawatan kuasa menyebabkan gerak kerja menjadi kelim kabut dan AJK bersikap lepas tangan. Setelah IMAM dibubarkan pada waktu pembubaran, ia telah ditukarkan semula kepada ALAM atas saranan Ustaz Farid Ravi Bin Abdullah selaku Nazir Masjid ketika itu, maka tertubuhlah ALAM semula.

Hari berganti hari dapat dilihat bagaimana berkembang dengan lajunya persatuan ini dengan izin Allah SWT di atas sokongan dari semua mahasiswa yang prihatin terhadap tugas sebagai seorang pelajar. Persatuan ini merupakan satu persatuan dakwah yang ingin mengajak semua golongan yang berada di KUIS dari mahasiswa sehinggalah kepada pensyarah supaya berbuat kepada perkara kebajikan dan mencegah dari perkara keburukan.³

AKTIVITI DAKWAH YANG TELAH DIJALANKAN OLEH AL AZHAR MEMBERS (ALAM)

Antara aktiviti program ALAM yang mengajak mahasiswa khususnya bagi mengenal Islam itu dengan lebih mendalam dan mengembalikan kegemilangan Islam yang dibawa oleh baginda nabi kepada umat manusia bagi bertujuan mengenal siapa penciptanya di muka bumi. ALAM juga berperanan menjadi contoh teladan persatuan yang terbaik dan mudah diikuti oleh semua lapisan mahasiswa khususnya dan masyarakat luar amnya. Antara aktiviti-aktiviti ALAM yang telah dijalankan sepanjang tahun :⁴

1- Karnival Masjid

Karnival masjid merupakan program besar-besaran yang dilakukan oleh persatuan ALAM dengan kerjasama pihak Masjid Al-Azhar dengan bertujuan untuk mendekatkan diri mahasiswa dengan masjid. Tujuan ini disambut dengan baik oleh pelajar KUIS khususnya dengan membuktikan komitmen mereka kepada program ini. Antara matlamat terbesar program ini ialah ingin melahirkan

² Temubual bersama Saudara Fikri Bin Abdul Wahab, Mantan Presiden Kelab Al-Azhar, Masjid Al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 15 Januari 2016, jam 3,00 petang.

³ Temubual bersama Saudara Azli Firdaus bin Che Seman, Mantan Presiden Badar , Masjid Al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 24 Januari 2016, jam 3,00 petang.

⁴ Laporan tahunan persatuan ALAM

mahasiswa yang sentiasa hatinya dekat dengan Masjid seperti dalam hadis nabi *“lelaki yang dekat hatinya dengan masjid maka akan mendapat perlindungan di mahsyar kelak”*.

Matlamat yang keduanya ialah ingin memupuk rasa cinta dan kasih seorang hamba kepada penciptanya agar sentiasa dipayungi rahmat Allah. ALAM sedar bahawa mahasiswa semakin hanyut mengikut peredaran zaman dan semakin hari semakin melupakan masjid, melalui pendekatan program ini persatuan ALAM ingin mengembalikan sinar kegemilangan Islam seperti pada zaman nabi Muhammad S.A.W.

Program ini biasanya berlangsung hampir seminggu dan pada setiap hari di isi dengan slot-slot yang menarik bertujuan memberi kesedaran kepada mahasiswa. Moga usaha yang dilakukan ini dinilai di sisi Allah SWT dan mendapat sokongan dari semua pihak khususnya dalam menegakkan syiar Islam di bumi KUIS ini. Program ini juga melibatkan jemputan asatizah tanah air seperti Dr. Zulkifli Muhammad Al-Bakri, Ustaz Nazmi Abdul Karim, Ustazah Isfadhiah Omar dan ramai lagi.

2- Malam Pengenalan ALAM

Malam pengenalan persatuan ALAM kebiasaannya akan dibuat setiap kali kemasukan pelajar baru ke KUIS bagi bertujuan memperkenalkan persatuan ALAM kepada pelajar-pelajar baru. Tujuan yang utama ialah ingin memperkenalkan cara persatuan ALAM bergerak dalam medan dakwah dan siasah bersama arus kemodenan di dalam negara ini. Strategi yang digunakan oleh persatuan ini ialah meniru kembali zaman pemerintahan Nabi dan para sahabat memimpin Islam.

ALAM ingin memupuk semangat yang ada di kalangan para pelajar supaya sedar bahawa perjuangan menegakkan Islam itu amat penting. Antara tujuan lain juga ialah ingin menyedarkan mahasiswa betapa pentingnya duduk di dalam satu kumpulan dan saling bekerjasama. Tujuan ini kerana tidak mahu melihat di kalangan mahasiswa mementingkan diri sendiri dan tidak menghiraukan orang lain.

Matlamat program ini diadakan ialah menambah keahlian ALAM untuk menjadikan semakin ramai penggerak ALAM selepas ini dan akan banyak buah fikiran untuk melunaskan gerak kerja dakwah yang akan ditempuhi. Kebiasaannya program ini akan melibatkan kesemua pimpinan ALAM turun bersama meraikan pelajar-pelajar baru dan menerangkan sedikit sebanyak tugas masing-masing. Kebiasaan program ini akan diadakan di masjid KUIS dan selepas pada waktu isyak dari pukul 9 malam sampai 11 malam.⁵

3- Dakwah Lapangan

Program dakwah lapangan yang dianjurkan merupakan satu program yang akan menggabungkan setiap persatuan NGO di KUIS. Program ini juga merupakan program wajib bagi persatuan ALAM untuk mengajak mahasiswa keluar berdakwah di medan yang lebih realiti bersama masyarakat di luar sana. Antara tujuan program ini diadakan ialah untuk mengikuti apa yang diperintahkan oleh Allah dalam Al-Quran iaitu menyuruh kepada kebaikan dan mencegah perkara yang mungkar.

Antara objektif program ini ialah ingin menyedarkan masyarakat di luar sana agar kembali kepada syariat Islam dan jangan ingkar atas arahan yang Allah tetapkan. Dunia hari ini menjadi saksi melihat betapa ramainya manusia semakin terpesong dari syariat dan landasan Islam yang sebenar, justeru ALAM memandang serius akan perkara ini dan ingin mengembalikan umat manusia ke jalan yang selamat.

⁵ Dokumen aktiviti dakwah ALAM

Aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini ialah mengedarkan risalah, memberi penerangan kepada masyarakat dan sebagainya. Program ini juga bukan melibatkan ahli ALAM sahaja malah terbuka kepada semua mahasiswa yang ingin berkecimpung dalam medan dakwah. Kebiasaannya program ini akan diadakan pada musim cuti minggu bagi tidak mengganggu jadual pelajaran setiap pelajar. Exco dakwah dan kemasyarakatan akan bertanggungjawab sepenuhnya bagi menjayakan program ini.

4- Diskusi Kampus

Program diskusi kampus yang dianjurkan oleh Exco Penerangan dan Multimedia ini bertujuan untuk memberi ruang kepada aktivis-aktivis ALAM menyampaikan maklumat-maklumat yang penting kepada mahasiswa KUIS. Tujuan ini juga ialah untuk menarik minat setiap pelajar menyampaikan sesuatu benda yang boleh di kongsi bersama dan boleh dibawa manfaat kepada masyarakat di luar sana.

Antara matlamat yang besar yang ingin ALAM lihat melalui program ini ialah mahu menjadikan mahasiswa cakna dengan isu-isu semasa sama ada luar atau dalam negara. Bertepatan dengan beberapa isu yang sangat penting untuk setiap pelajar mengetahui maka persatuan ALAM mengadakan program diskusi kampus bagi mendengarkan suara mahasiswa yang sentiasa cakna dengan isu-isu negaranya yang tercinta.

Kebiasaannya program ini akan diadakan di 1st Cafe dan waktu petang bagi memudahkan pelajar yang berada di asrama boleh turun bersama-sama memberi sokongan dan galakan kepada sahabat mereka yang lain. Program ini biasanya akan diadakan setiap bulan menunjukkan bahawa mahasiswa boleh melangkah melawan arus perdana dan mengembalikan kegemilangan Islam yang ditinggalkan oleh baginda Nabi.⁶

5- Rentak Dai

Program rentak dai adalah program julung-julung kalinya dibuat oleh persatuan ALAM atas nasihat dan cadangan nazir masjid iaitu Dr. Saifullah bertujuan mengajar beberapa strategi yang penting dalam berdakwah kepada masyarakat. Perlu diketahui bahawa dakwah tanpa merancang strategi mungkin akan tumbang di tengah jalan. Maka ALAM julung-julung kalinya program ini dan mendapat sambutan dengan baik.

Hal ini membuktikan bahawa pelajar KUIS berminat dalam menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat dan generasi yang akan datang. Antara perkara yang ditekankan di dalam program ini ialah cara dan bagaimana Rasulullah dan para sahabat berdakwah di samping menyampaikan contoh-contoh perjuangan tokoh Islam yang hebat bagi menyedarkan pelajar bahawa dakwah ini mesti diteruskan.

Matlamat yang hendak disampaikan kepada orang yang nak menerima dakwah haruslah selari dengan zaman dan masa seperti yang dikatakan oleh Sayidina Umar Al-Khattab *“didiklah generasi kamu mengikut peredaran zaman kamu”* maka ALAM mengambil pendekatan ini untuk melatih generasi muda agar selepas keluar dari KUIS mereka menjadi orang yang berguna kepada bangsa dan negara.

⁶ *Ibid*

Antara penceramah jemputan dalam program ini ialah PU Azman, Ustaz Zaim Zain dan Ustaz Abdulullah Lubis. Mereka menggunakan cara penyampaian masing-masing sehingga menarik minat kepada semua pelajar yang menyertainya. Inshaa Allah program yang baik sebegini akan diadakan lagi dengan bertujuan melahirkan generasi yang berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunah. Mudah-mudahan usaha yang baik ini dinilai di sisi Allah SWT dan sama-sama mendapat jariah di akhirat kelak dan usaha ini juga akan membuktikan bahawa Islam tidak pernah kalah dari serangan minda orang-orang yahudi dan orang-orang yang ingin menentang Islam secara luarannya.

6- Speaker Corner

Speaker corner merupakan satu aktiviti yang sering dilakukan oleh persatuan ALAM bagi membuka ruang kepada pelajar menyuarakan bakat yang sedia ada pada diri mereka. Kebiasaannya aktiviti ini tidaklah melibatkan kos yang banyak seperti program ALAM yang lainnya akan tetapi aktiviti speaker corner ini mula menarik minat dikalangan para pelajar.

Speaker corner biasanya melibatkan kerjasama ALAM dengan Majlis Perwakilan Pelajar bagi membuktikan bahawa pelajar yang hebat mampu menggegarkan dunia. Antara perkara yang menarik dalam aktiviti speaker corner ini ialah kita dapat membuka minda pelajar betapa pentingnya dakwah melawan arus perdana. Antara tajuk yang menarik ramai pelajar supaya terlibat dengan aktiviti ini ialah isu pendarahan umat Islam di Syria, Mesir dan banyak lagi. Ruang ini memberi kesedaran kepada mahasiswa betapa pentingnya persaudaraan dalam Islam.

Nabi mendidik para sahabat baginda dengan memupuk ukhwah yang begitu hebat sehinggalah sanggup mempertaruhkan nyawa sendiri berbanding nyawa sahabat yang lain. Bukti yang ditunjukkan oleh para sahabat ini wajar menjadi contoh teladan yang baik kepada semua masyarakat.

Matlamat yang jelas dalam *speaker corner* ini ialah melatih mahasiswa agar berani ke hadapan seperti orang-orang hebat di luar sana. Aktiviti ini ingin melatih pelajar-pelajar Islam supaya berpendirian yang berani menyatakan kebenaran dan kualiti Islam akan dipandang mulia oleh semua bangsa sekiranya anak muda Islam mampu mencorak dunia dengan lebih hebat berlandaskan Islam yang sebenar.

7- Dakwah Lapangan Tahun Baru

Program dakwah lapangan tahunan baru adalah merupakan program tahunan dan program wajib bagi ahli ALAM untuk menyertainya. Program ini sepenuhnya diuruskan oleh Exco Dakwah dan Kemasyarakatan dan dibantu oleh beberapa ahli di bawah Exco tersebut. Program ini akan diadakan pada malam tahun baru bagi menerangkan kepada masyarakat apakah erti kemerdekaan dan mencari azam yang baru dalam dunia Islam yang dibenarkan.

Kebiasaannya program ini akan melibatkan kesemua kampus di kawasan lembah Klang dan kampus yang berdekatan. Tujuannya adalah untuk memupuk kerjasama di antara satu pasukan dan pasukan yang lain. Antara kampus yang terlibat menjayakan program ini ialah UKM, USIM, IPG Bangi dan juga disertai oleh persatuan Gamis (Gabungan Mahasiswa Islam Malaysia). Antara aktiviti yang dilakukan dalam program ini ialah mengedarkan risalah, memberi penerangan kepada masyarakat dan sebagainya.

Antara tujuan lainnya ialah ALAM ingin mengilap bakat-bakat yang pada diri mahasiswa seluruh Malaysia agar dapat menjadi pengganti pendakwah-pendakwah yang telah pergi bertemu Illahi. Kita semua faham bahawa Allah akan menari ilmu itu dengan mematikan ulama maka ALAM sedar akan kekurangan pendakwah ini justeru melalui program ini pelajar dapat melatih keberanian dalam menyampaikan kebenaran. Kebiasaannya setiap pelajar yang terlibat akan bermalam di luar kampus dan akan pulang ada hari keesokannya.

8- Learn And Rest

Learn And Rest merupakan program mingguan iaitu merupakan usrah santai pelajar bersama pelajar dengan tujuan berkongsi maklumat yang ada pada diri masing-masing. Program ini juga bermatlamat ingin menghidupkan kembali zaman kegemilangan Nabi dan para Sahabat ketika menegakkan Islam suatu masa dulu.

Apabila berlangsungnya program *Learn And Rest* ini ramai pelajar yang hadir mendengar beberapa kata-kata nasihat dari pimpinan ALAM sendiri dan kebiasaannya akan dibuat di tepi tasik pada jam 5 petang. Antara matlamat lainnya ialah ingin mendidik mahasiswa agar sentiasa berada dalam budaya ilmu dan sentiasa dilimpahkan rahmat melalui majlis-majlis ilmu yang sedemikian.

9- Kelas Tajwid Al-Quran

Kelas Tajwid Al-Quran yang dianjurkan oleh ALAM ini kerana ingin membawa kesedaran kepada setiap mahasiswa betapa penting Al-Quran dalam kehidupan manusia. Sewaktu di zaman kegemilangan Islam sebelum ini, tokoh-tokoh Islam membuktikan bahawa jika hati terpaud dengan Al-Quran maka mudah bagi Allah SWT permudahkan urusannya.

Disebabkan itu ALAM mengambil satu penekanan yang amat serius dalam mengajar mahasiswa sentiasa cinta dengan Al-Quran dan basah lidahnya dengan memahami ayat-ayat Al-Quran. ALAM juga tidak terlepas mewajibkan ahlinya untuk menghadiri kelas tajwid Al-Quran supaya sentiasa Al-Quran melekat di dada para pendakwah.

Matlamat yang besar yang mahu dilihat oleh ALAM melalui program ini ialah melahirkan generasi yang hebat di waktu siangnya dalam menegakkan kebenaran dan di malamnya pula sentiasa dekat dengan penciptanya. Moga usaha yang baik ini di nilai di sisi Allah dengan mendapat ganjaran di akhirat kelak.

10- Malam Maulid Nabi

Program Malam Maulid Nabi merupakan salah satu program besar-besaran ALAM dengan bertujuan tak lain tak bukan hanya ingin membuktikan kecintaan kepada Nabi Muhammad S.A.W. Hal ini kerana ALAM melihat bagaimana perik perjuangan yang ditempuh oleh para sahabat nabi sebelum ini akan tetapi mereka tidak pernah mengeluh dalam melaksanakan tugas menegakkan kalimah Allah, hal ini kerana mereka terlalu mencintai Nabi Muhammad S.A.W.

Kebiasaannya program ini akan dibuat di Masjid Al-Azhar KUIS dan akan dihadiri oleh para ulama-ulama terkenal dinusantara di antaranya ialah Sheikh Muhammad Nuruddin Marbu Al Banjari Al-Makki, Sheikh Rohimuddin, Sheikh Muhammad Zainul Asri Haji Ramli dan sebagainya. Mereka menyampaikan tausyiah berkenaan cara dan bagaimana Nabi Muhammad S.A.W berjuang tanpa mengenal erti penat lelah.

Pengorbanan ini yang menjadi semangat persatuan ALAM untuk melihat generasi yang belajar di KUIS sentiasa mendukung agama Allah sehinggalah menangnya Islam di negara Malaysia ini. Diharapkan usaha yang kecil ini menjadi saksi di hadapan Allah dan membuktikan bahawa inilah yang kami lakukan untuk memenangkan Islam.

Inilah di antara program-program yang dilakukan sepanjang sesi kepimpinan saudara Fikri Bin Abd Wahab yang mana beliau sendiri ingin melihat kemenangan Islam akan terserlah. Keyakinan⁷ kepada janji Allah dengan ganjaran yang berlipat kali ganda terus menghilangkan penat lelah dalam perjuangan ini, malah akan diteruskan sehinggalah Allah SWT datang menjemput kembali kepada Nya.

11. Syria Awareness

Alam telah mengadakan Ceramah Perdana bertajuk “Tangisan Syria:Dimanakah Kita?” oleh Syeikh Muhammad Kurayyim Raji, dalam program tersebut juga diadakan Himpunan Kesedaran Isu Semasa Syria 2014, Konvoi Bermotor “Peace For Syria” daripada kumpulan Al-Azhar Bikers (ABS) .Gema mahasiswa untuk mu Syria dan sebagainya.

KESIMPULAN

Kelab Al Azhar Members merupakan satu persatuan yang sentiasa cakna dengan isu-isu para mahasiswa dan ingin mengembalikan setiap mahasiswa kenal kepada penciptanya. Dakwah yang dilakukan oleh ALAM ini sememangnya menarik minat dan perhatian mahasiswa di mana ALAM sentiasa ketengahkan suara mahasiswa yang sentiasa tertindas. Persatuan ini juga menjadi persaingan yang amat tinggi oleh persatuan-persatuan lain di KUIS di mana setiap persatuan ada matlamat dan tujuannya, maka ALAM juga tidak ketinggalan matlamat dan tujuannya ialah ingin mensifarkan maksiat di bumi KUIS.

ALAM mengerti betapa periknya perjuangan yang dilalui oleh baginda nabi ketika berdakwah kepada kaum musyrikin Mekah. Dengan semangat yang ditunjukkan oleh junjungan besar kita ALAM ingin merealisasikan dakwah ini terus berkembang dan terus semarak di bumi KUIS yang tercinta.

Di samping itu, program-program yang dianjurkan oleh ALAM tidak terlepas dari mendidik masyarakat agar mereka kenal ALLAH yang menciptakan mereka dengan taat dengan arahan ALLAH agar sentiasa menegakkan Islam yang paling tertinggi. ALAM sangat mengambil berat kepada setiap ayat-ayat yang diturunkan oleh ALLAH supaya mengharapakan menjadi hamba yang sentiasa beriman dengan Tuhannya.

Secara khususnya persatuan ini sentiasa akan menjadi contoh kepada mahasiswa KUIS yang ingin melahirkan Dai, Ulama, dan Uмара’. Matlamat KUIS yang jelas ini akan sentiasa terpahat dalam hati aktivis ALAM yang akan menjadikan KUIS sebagai universiti contoh kepada semua universiti di luar sana.

Akhir sekali, persatuan ALAM bukanlah satu persatuan yang hanya terlibat dalam pentas dakwah semata-mata, malah ALAM juga terlibat dalam sistem pentarbiahan jiwa dalam menyucikan hati dan sistem politik mengikut arus perdana dalam masyarakat pada hari ini. Persatuan ALAM tidak akan

⁷ Sekitar Program Anjuran Kelab Al-Azhar Members . 2014. Buletin Al Azhar.

menutup mata dan mendinginkan diri dengan isu dunia pada hari ini, di mana dapat dilihat bahawa rakyat Islam sedang dibunuh oleh musuh-musuh Islam di luar sana. Justeru persatuan ALAM lah yang pertama bangkit mengatakan ketidakpuasan hati kepada musuh-musuh Islam dan menunjukkan bahawa mahasiswa akan sentiasa bersedia menentang kezaliman yang dilakukan oleh musuh-musuh Islam di luar sana.

RUJUKAN

Haji Hassan Hussaein 2009, *Perjuangan Dakwah Para Sahabat*, Shah Alam Selangor: Mustread SDN.BHN.

Temubual bersama Saudara Fikri Bin Abdul Wahab, Mantan Presiden Kelab Al-Azhar, Masjid Al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 15 Januari 2016, jam 3,00 petang.

Sekitar Program Anjuran Kelab Al-Azhar Members . 2014. Buletin Al Azhar.

Laporan tahunan persatuan ALAM

Dokumen aktiviti dakwah ALAM